

Newspaper	Berita Harian
Date	15/05/2012

Perkasa pusat sumber sekolah

Tingkat potensi selaras usaha menambah baik sistem pendidikan negara

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bharian.com.my

B4 - 15/5/2012

● EFFENDY RASHID | BERITA HARIAN

KUALA LUMPUR: Kementerian Pelajaran dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan perlu merangka strategi bersama yang komprehensif bagi meningkatkan fungsi serta peranan pusat sumber sekolah.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata peranan pusat sumber sekolah sebagai nadi budaya membaca di kalangan generasi muda perlu diperkasa selaras dengan usaha menambah baik sistem pendidikan negara.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran, berkata sehingga kini terdapat 12,382 perpustakaan di seluruh negara, dengan 9,721 daripadanya adalah pusat sumber sekolah.

"Berdasarkan perangkaan ini, saya melihat Pusat Sumber Sekolah mempunyai potensi cukup besar untuk dipertingkatkan lagi dari segi mutu dan capaian perkhidmatannya," katanya ketika berucap meraikan pemilihan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Ikon Membaca Kebangsaan dan penyemarakan kempen nilai murni 1Malaysia, di Perpustakaan Negara, di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Datuk Raslin Abu Bakar.

Muhyiddin berkata, selaras de-



MUHYIDDIN memakaikan Jubah Ikon Membaca Kebangsaan kepada Dr Mahathir, sambil diperhatikan Rais (kanan) di Perpustakaan Negara, semalam.

ngan perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi hari ini, sudah sampai masanya penggunaan perpustakaan digital diperluas bagi membolehkan pengguna membaca buku dan pelbagai bahan ilmiah dalam bentuk digital secara dalam talian.

"Konsep perpustakaan digital ini pastinya akan memudahkan pengguna mengakses pelbagai bahan ilmiah dengan lebih pantas dan sekali gus meningkatkan kadar mem-

baca dalam kalangan rakyat.

"Saya percaya sekiranya kita ingin berada di hadapan dalam persaingan memperoleh ilmu dan maklumat, kita perlu memanfaatkan segala kelebihan dunia teknologi maklumat dan komunikasi dengan sebaik mungkin," katanya.

Selain itu katanya, amalan membaca itu sendiri adalah satu daripada nilai murni yang perlu diamalkan oleh rakyat negara ini jika ingin menjadikan Malaysia sebuah

negara maju.

Kajian menunjukkan budaya membaca rakyat negara ini meningkat daripada dua buah buku setahun pada 2005 kepada lapan hingga 12 buku setahun pada 2010.

Bagaimanapun, Muhyiddin berkata, langkah proaktif perlu terus diambil untuk meningkatkan lagi kadar membaca rakyat agar setanding rakyat negara luar seperti Jepun yang secara purata membaca 40 buku setahun.